



## KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD

31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU, Jalan Hiliran,

21000 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-6221881, 09-6228881, 09-6241850 & Fax: 09-6264358, 09-6228881

Ruj. Kami : KOGURU 01/01/57-02 Jld 2 ( )

Tarikh : 06 Jun 2016

Kepada :

Pengetua / Guru Besar  
SMK / SK Negeri Terengganu

Tuan,

### KURSUS PENINGKATAN PROFESIONALISME WARGA SEKOLAH

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi bulan Disember telah bersetuju menyediakan sedikit peruntukan sebagai tanggungjawab sosial bagi membantu sebahagian sekolah yang berminat untuk menjalankan Kursus Dalam Perkhidmatan kepada **semua kakitangan** (termasuk yang bukan anggota KOGURU) di bawah tanggungjawab tuan bagi memenuhi syarat sekurang-kurangnya kursus 7 hari setahun sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling 6 Tahun 2005.

3. Sehubungan dengan itu, bagi setiap kursus yang diluluskan, pihak Koperasi bersetuju menanggung sebahagian kos sebagaimana berikut.

3.1. Sumbangan makan tengah hari : **RM7.00 seorang;**

4. Cadangan Agenda Kursus

8.00 pagi	-	Pendaftaran
8.30 pagi	-	Slot Sekolah
<b>11.00 pagi</b>	<b>-</b>	<b>Slot KOGURU</b>
1.00 tgh	-	Makan tengah hari / Selesai

5. Pihak sekolah yang berminat hendaklah melengkapkan borang permohonan yang dilampirkan dan mengembalikan semula kepada Setiausaha, Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad dengan kadar segera untuk dipertimbangkan. Tuan diminta memberi beberapa cadangan tarikh untuk memudahkan kami menyusun jadual.

Sekian, terima kasih.

### 'ANGGOTA DIDAHULUKAN, KOPERASI DIUTAMAKAN'

Saya dengan Arahan  
Anggota Lembaga Koperasi

**(JUHARI BIN ISMAIL)**

Setiausaha Kehormat

Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad

Sk : 1. Pengurus Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad  
2. Semua ALK

Jl/ans